



LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA
BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA



Tkt 17, Ibu Pejabat JKR
Jalan Sultan Salahuddin
50582 Kuala Lumpur
Tel: 603-26967999/7809/7803/8140/8142
Fax: 603-26925680
E-mail: info@bqsm.gov.my
Website : www.bqsm.gov.my

Yang Di Pertua: DATO' ABDULL MANAF BIN HJ. HASHIM
DIMP, AMN, AMTP, PJC

Pendaftar: ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM
AMP, MIS (M)

Setiausaha: PUAN RATNA MAHYUDDIN
FISM

SURAT PEKELILING BIL. 1/2010

22 Mac 2010

Kepada : Semua Juruukur Bahan Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Siswazah Berdaftar
Semua Juruukur Bahan Berdaftar Sementara
Semua Firma Perunding Juruukur Bahan Yang Berdaftar

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,


**GARISPANDUAN BAGI PENDAFTARAN NAMA FIRMA YANG BOLEH DILULUSKAN BAGI
PERMOHONAN PENDAFTARAN FIRMA PERUNDING JURUUKUR BAHAN DENGAN LEMBAGA
JURUUKUR BAHAN MALAYSIA**

Bagi memastikan setiap permohonan pendaftaran firma Juruukur Bahan Perunding memenuhi keperluan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dari segi cadangan penggunaan nama, berikut merupakan garispanduan cadangan nama firma yang boleh diluluskan untuk rujukan :

- 1.0 Firma Pertubuhan Perbadanan
 - 1.1 Tidak menggunakan nama yang terlalu umum. Contoh nama yang terlalu umum adalah Perunding Ukur Bahan atau QS Consultant.
 - 1.2 Telah memperolehi kelulusan untuk mendaftarkan nama firma baru dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 2.0 Firma Perkongsian
Tidak menggunakan nama yang terlalu umum. Contoh nama yang terlalu umum adalah Perunding Ukur Bahan atau QS Consultant.
- 3.0 Firma Usahasama (Joint Venture)
Gabungan kesemua nama firma yang bergabung dan diikuti dengan terma JV seperti berikut : danJV.
(Contoh : *ABC Sdn Bhd dan Perunding Ukur Bahan DEF JV*)

- 4.0 Firma Ketuanpunyaan Tunggal
Pendaftaran firma ketuanpunyaan tunggal perlu membayangkan nama prinsipal. Nama firma yang boleh dipertimbangkan adalah:
- a) Perunding Ukur Bahan (membayangkan nama prinsipal); atau
 - b)(membayangkan nama prinsipal) QS Consult
- 5.0 Pemohon digalakkan untuk membuat semakan terlebih dahulu dengan LJBM bagi memastikan nama yang dicadangkan tidak pernah digunakan atau hampir sama dengan firma Juruukur Bahan Perunding yang sedia ada.
- 6.0 Sila ambil perhatian bahawa keperluan ini berkuatkuasa serta-merta bagi semua permohonan baru firma Juruukur Bahan Perunding dengan LJBM.

Dengan Perintah Lembaga,



Sr Abd Shukor bin Ibrahim
Pendaftar
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia